

**PENDIDIKAN ISLAM ALIRAN KEMAHIRAN
TINGKATAN 4 PVMA
UJIAN BULAN JULAI**



NAMA : _____

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

1. Tulis kategori bersyukur dengan tanda H (hati), L (lisan) atau P (perbuatan) berdasarkan pernyataan di bawah

BIL	PERNYATAAN	H/L/P
1	Azman mengucapkan Alhamdulillah selepas makan	
2	Zaida reda atas setiap kurniaan Allah SWT kepadanya	
3	Firdaus menderma barang keperluan harian kepada rumah anak-anak yatim	
4	Hazlan membantu mangsa kemalangan dengan membawanya ke hospital	
5	Khairul mengucapkan terima kasih kepada gurunya selepas selesai sesi pembelajaran	
6	Sufi membantu ibunya memasak di dapur	

[6 MARKAH]

2. Tandakan (/) pada amalan yang jujur dan (x) pada amalan yang tidak jujur.

BIL	PERNYATAAN	TANDAKAN (/) ATAU (X)
1	Meniru dalam peperiksaan	
2	Memohon maaf apabila melakukan kesalahan	
3	Berbohong ketika bercakap	
4	Sengaja lewat ke tempat kerja	
5	Bercakap benar	
6	Menepati janji	

[6 MARKAH]

3. Tandakan (U) pada pernyataan yang berkaitan dengan Sayidina Usamah Bin Zaid r.a dan (S) pada pernyataan yang berkaitan dengan Sayidina Salman Al Farisi r.a

BIL	PERNYATAAN	TANDAKAN U ATAU S
1	Pernah menyertai Perang Uhud	
2	Mencadangkan strategi menggali parit dalam perang Khandak	
3	Mengikuti peperangan pada kali pertama ketika berusia 15 tahun	
4	Dilahirkan di Makkah al Mukarramah	
5	Pernah menjadi hamba sebelum dimerdekakan oleh Nabi Muhammad SAW	

[5 MARKAH]

4. Pilih jawapan yang betul

- Perkara wajib haji dan umrah ialah (niat ihram/bermalam di mina/tawaf)
- (Bertalbiah/Sai/tawaf) ialah perkara sunat selepas berniat ihram
- Perkara larangan ihram melibatkan lelaki dan perempuan ialah perbuatan (memotong kuku/menutup kepala/menutup muka)
- Perbezaan antara rukun haji dengan umrah ialah (wuquf/sai/bercukur)
- Meninggalkan perkara rukun haji dalam ibadah haji dan umrah menyebabkan ibadah haji seseorang (tidak sah/makruh/mabrur)

[5 MARKAH]

5. Tandakan (A) pada perkara sunat akikah dan (K) pada perkara sunat korban

BIL	PERNYATAAN	TANDAKAN A ATAU K
1	Daging sunat dimasak dan dibuat kenduri	
2	Orang yang menyertai ibadah ini disunatkan menyembelih sendiri binatang tersebut	
3	Tidak mematahkan tulang binatang kecuali pada sendinya	
4	Daging sunat diagihkan secara mentah	
5	Dua ekor kambing untuk anak lelaki	

[5 MARKAH]

6. Tuliskan RUKUN pada rukun sembelihan dan SYARAT SAH pada syarat sah sembelihan

BIL	PERKARA	RUKUN/SYARAT SAH
1	Islam	
2	Penyembelih	
3	Alat Sembelihan	
4	Binatang halal dimakan	
5	Memutuskan urat halkum dan urat merah	
6	Masih hidup ketika disembelih	
7	Mati dengan sekali sembelihan	
8	Binatang yang disembelih	

[8 MARKAH]

7. Isi temPat kosong dengan perkataan yang sesuai



[2 MARKAH]

8. Tandakan pernyataan /amalan di bawah sama ada terbatal iman dengan iktikad (kepercayaan),perkataan atau perbuatan

BIL	PERNYATAAN	IKTIKAD/PERKATAAN/PERBUATAN
1	Menyembah berhala	
2	Percaya kepada bomoh	
3	Mengatakan hokum Allah SWT ketinggalan zaman	
4	Percaya agama lain lebih baik daripada islam	
5	Menganut agama selain agam islam	

[5 MARKAH]

9. Tandakan (/) pada amalan menambahkan iman dan (x) pada amalan yang mengurangkan iman

BIL	PERNYATAAN	TANDAKAN (/) ATAU (X)
1	Melakukan puasa sunat	
2	Meninggalkan solat lima waktu	
3	Menolong ibu bapa	
4	Meniru dalam peperiksaan	
5	Bergaduh dengan kawan	

[5 MARKAH]

10. Pilih jawapan yang betul berdasarkan pernyataan di bawah

BERTAMBAH

HATI

BERKURANG

MEMIKIRKAN

PERBUATAN

- i. Iman ialah membenarkan dengan _____ mengakui dengan lidah,serta mengamalkan dengan _____
- ii. Iman seorang akan _____ apabila melakukan kebaikan dan taat perintah Allah SWT
- iii. _____ kejadian alam boleh menyebabkan iman kita bertambah

[4 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT